

Kita tetap akan kekalkan ISA — Perdana Menteri

UM 13 OCT 2002

BANDAR SERI BEGAWAN 12 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tetap akan mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan tidak berasa malu untuk terus mempertahankannya.

Katanya, dalam soal itu Malaysia sama sekali tidak akan memikirkan apa juga tafsiran Barat berhubung ISA kerana undang-undang berkenaan mampu mengelakkan negara daripada kekacauan dan ketidakstabilan.

“Negara Barat menganggap ISA tidak adil kerana kerajaan tidak berhak menahan seseorang sebelum mereka melakukan jenayah. Tetapi jika kita membiarkan orang itu melakukan jenayah sedangkan kita sudah mengetahuinya, saya berpendapat ia sudah terlambat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada dialog dengan rakyat Malaysia hari ini dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Brunei.

Dr. Mahathir ditanya adakah Malaysia akan mengkaji semula pelaksanaan ISA kerana ia dikritik hebat oleh negara-negara barat yang menganggapnya tidak adil.

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan oleh Malaysia dalam soal ISA adalah mengikut undang-undang berbanding dengan apa yang terjadi di Amerika Syarikat (AS) sekarang.

“Di negara itu kini ramai umat Islam yang hilang dan mereka ini kemudian didapati ditahan oleh pihak berkuasa tanpa sebarang peruntukan undang-undang,” katanya.

Tetapi di Malaysia, kata Dr. Mahathir ada peruntukan undang-undang yang membenarkan pihak berkuasa menahan mana-mana orang sebagai langkah pencegahan jika terdapat bukti bahawa mereka cuba melakukan sesuatu jenayah.

“Kita tahu mereka merancang melakukan sesuatu (jenayah) yang boleh mengganggu kestabilan negara, oleh itu kita harus menahannya,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia menghadapi masalah dengan negara Barat kerana mereka menganggap Malaysia tidak tahu mengenai keadilan dan kehakiman.

“Kita tidak pernah pertikaikan keputusan mahkamah walaupun melibatkan ahli politik daripada kerajaan.

Bagi barat jika mereka menganggap seseorang itu tidak bersalah mahkamah harus membuat keputusan orang itu tidak bersalah tetapi mereka tiada fakta, kita (pihak berkuasa) ada fakta yang dibentangkan di hadapan hakim,” katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr. Mahathir meminta rakyat Malaysia yang berada di luar negara memahami alasan kerajaan melaksanakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata, langkah kerajaan itu yang akan dimulakan tahun depan bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara yang berpengetahuan dan bermaklumat.

“Pelaksanaannya adalah untuk menentukan bangsa kita tidak ketinggalan kerana dengan menguasai bahasa Inggeris, kita dapat menimba banyak ilmu dan pengetahuan terutama bidang sains dan matematik,” katanya. — *Utusan*